

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)  
Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH MARA**

1. Tawaran adalah di pelawa kepada Syarikat **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

**CADANGAN JUALAN SEBUT HARGA EMPAT (4) BUAH BAS TERPAKAI DI BENGKEL MARA LINER SDN BHD (MLSB):  
MLSB KUALA NERANG, KEDAH (WSY 9854), MLSB YAN, KEDAH (KCC 4572), MLSB LANGKAWI, KEDAH (KCC 9941) DAN MLSB  
SERDANG, KEDAH (KCB 4674)**

NO SEBUT HARGA	TARIKH, MASA & LAWATAN TAPAK	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2024/02/B	25/03/2024 Hingga 09/04/2024 Masa : 9.00 Pagi - 3.00 Petang Tempat : - MLSB KUALA NERANG, KEDAH - MLSB YAN, KEDAH - MLSB LANGKAWI, KEDAH - MLSB SERDANG, KEDAH (Sila Patuhi SOP Kementerian Kesihatan Dan Majlis Keselamatan Negara)	221901 Atau 221902	25/03/2024 Hingga 09/04/2024	RM 5.00	23/04/2024 Selasa (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Penyebut harga hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen :-
- Sijil Asal Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
  - Sijil Asal Pendaftaran Syarikat **Bumiputera** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- Satu (1) salinan **Sijil-sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa hendak membeli dokumen. **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.
3. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **WANG POS/KIRIMAN WANG/BANK DRAF** atas nama **AK PROJECT KEND BAS MARA**. **Wang ini tidak akan dikembalikan**. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada **waktu pejabat hari Isnin – hari Khamis (8.30 pagi – 1.00 petang) / (2.00 petang - 4.30 petang), hari Jumaat (8.30 pagi -12.15 tengah hari) / (2.45 petang – 4.30 petang) ( di alamat seperti di bawah. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.**
5. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen**. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.
6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
7. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

**PENGARAH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN**  
**TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,**  
**21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR**  
**Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari**

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>